

# Tutongku Ceria meriah

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



HAMPIR 300 orang terdiri daripada peminat berbasikal di keempat-empat daerah ikut serta memeriahkan suasana Pekan Tutong di Acara Riadah Berbasikal (atas), sementara gambar bawah, Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohammad Hussein; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung dan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Apong serta Pemangku Pengurus Lembaga Bandaran Tutong, Awang Haji Adnan bin Haji Adam hadir dan menyertai senamrobik sebelum Acara Riadah Berbasikal bermula.

**TUTONG**, Ahad, 17 September. - Meskipun hujan, hampir 300 orang terdiri daripada peminat berbasikal di keempat-empat daerah ikut serta memeriahkan suasana Pekan Tutong di Acara Riadah Berbasikal sebagai menyokong Tutongku Ceria yang berlangsung di persekitaran pekan tersebut, di sini.

Program Tutongku Ceria anjuran Jabatan Bandaran Tutong dengan kerjasama Jabatan Daerah Tutong yang dikendalikan oleh Badan Penyelaras dan Promosi Pelancongan merupakan inisiatif Hari Tanpa Kereta yang dilaratkan di keempat-empat daerah.

Acara Riadah Berbasikal mengelilingi Pekan Tutong sejauh 15 kilometer bermula di hadapan Jeti Sungai Tutong melintasi Jalan Enche Awang; Jalan Serambang; Lebuh Raya

Telisi; Jalan Bukit Sibut; Jalan Lubok Pulau dan berakhir di Jeti Sungai Tutong.

Hadir pada program Riadah Berbasikal tersebut ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohammad Hussein; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung dan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Apong serta Pemangku Pengurus Lembaga Bandaran Tutong, Awang Haji Adnan bin Haji Adam.

Tutongku Ceria mempunyai inisiatif kekeluargaan, sekali gus membuka peluang kepada peniaga kecil dan sederhana bermiaga, selain mengurangkan kesan karbon serta menggalakkan cara hidup sihat.



# UNISSA anjurkan Ceramah Umum



ANTARA mahasiswa dan mahasiswi UNISSA yang hadir pada Ceramah Umum anjuran Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bertempat di universiti berkenaan.



REKTOR Universiti al-Fath, Syria, Dr. Husamuddin Farfour semasa menyampaikan ceramahnya.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 16 September. - Para pelajar berperanan penting untuk menuntut dan mencari pelbagai ilmu pengetahuan selainnya.

Perkara ini disentuh oleh Rektor Universiti al-Fath, Syria, Dr. Husamuddin Farfour semasa menyampaikan ceramahnya pada Ceramah Umum anjuran Fakulti

Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bertempat di universiti berkenaan.

Bahkan, beliau menambah

berbentuk agama dan mengabaikan ilmu pengetahuan selainnya.

Menghayati ilmu Syariah bertujuan untuk memahami serta mempraktikkan ajaran ilmu berkenaan terutamanya aplikasi akhlak dan perkara ini termasuk dalam ibadah.

Seorang pelajar terpelajar dan berilmu menurut beliau tidak akan memberi manfaat tanpa memiliki akhlak yang baik.

ulama silam terdahulu lahir dengan penguasaan pelbagai disiplin ilmu, namun dalam masa sama menguasai ilmu Syariah, justeru sumbangan mereka mampu membina ketamadunan dunia.

Menghayati ilmu Syariah bertujuan untuk memahami serta mempraktikkan ajaran ilmu berkenaan terutamanya aplikasi akhlak dan perkara ini termasuk dalam ibadah.

Seorang pelajar terpelajar dan berilmu menurut beliau tidak akan memberi manfaat tanpa memiliki akhlak yang baik.

Ini kerana menjadi seorang yang berilmu atau terpelajar bukan bertujuan untuk menjadi masyhur dan popular.

Beliau memberi contoh bahawa Hujjatul Islam Imam al-Ghazali, seorang yang tidak asing dalam ilmu Tasawuf menangis bila mana nama beliau disebut-sebut, iaitu dalam arti menyatakan kehebatannya.

Ilmu pengajian Syariah mendidik jiwa agar sentiasa patuh dan taat kepada perintah Allah Subhanahu Wata'alha dan Rasul-Nya.

Beliau juga menyentuh kepentingan untuk para pelajar pengajian Islam menguasai bahasa Arab. Ini jelas menurut beliau kerana ia sangat signifikan dalam menjadi wadah memahami bidang disiplin ilmu Syariah lainnya yang sumber asalnya adalah dalam bahasa Arab.

Tidak ketinggalan pada akhir ceramah, beliau membicarakan mengenai Maqasid al-Syariah.

Ceramah dihadiri oleh para pensyarah dan para pelajar khususnya pelajar-pelajar di Fakulti Usuluddin, UNISSA.